

03 MAR 1997

Croatia-MSK

CROATIA KAGUM DENGAN PROJEK MSK

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Croatia kagum dengan pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSK) dan berhasrat menjadikan projek bernilai ribuan juta ringgit itu sebagai panduan bagi pembangunan teknologi maklumat (IT) di negara itu.

Perdana Menteri Croatia Zlatko Matesa berkata sungguhpun negaranya mempunyai jumlah penduduk yang kecil sekitar lima juta orang, tetapi konsep MSK adalah baik bagi pembangunan Croatia pada masa depan dalam pelbagai bidang.

"Kami mempunyai minat yang mendalam kerana kami rasa ia akan menjadi jendela masa depan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat oleh pengerusi eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah di sini.

Taklimat selama sejam itu tertumpu kepada MSK, pemangkin bagi pembangunan teknologi maklumat di Malaysia, dan juga mengenai fungsi MDC yang antara lainnya mengenalpasti jenis perniagaan yang akan dijalankan dalam zon MSK.

Matesa berkata Croatia juga boleh menggunakan pakai beberapa strategi asas konsep MSK serta membangunkan industri berasaskan IT negara itu dengan memberikan insentif kepada kajian dan pembangunan dalam bidang-bidang berkaitan.

Pemimpin Croatia itu yakin MSK akan mencapai kejayaan dan seterusnya menjadikan Malaysia negara perindustrian sepenuhnya pada tahun 2020.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Othman berkata MDC telah mengenalpasti Lembah Silicon di California sebagai lokasi bagi menubuhkan sebuah pusat sehenti bagi menguruskan permohonan daripada syarikat-syarikat yang mahu menyertai MSK.

Katanya, 10 pusat seperti itu akan dibuka bagi tujuan itu dan sebuah daripadanya akan ditempatkan di Jepun.

Dr Othman berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melawat Eropah Mei ini untuk memperkenalkan MSK.

Beliau juga berkata pasukan petugas yang mengendalikan projek Smartcard, pentadbiran kerajaan elektronik dan Tele-ubat dijangka menyiapkan kajiannya Jun ini. -- BERNAMA

RV OBA